

STPM Kertas 1 2020:

Soalan 1 Jawapan yang dicadangkan

- (a) (i) Prinsip perakaunan yang diterima umum yang berkaitan dengan penyediaan penyata kewangan ialah andaian tempoh perakaunan. Andaian ini memerlukan konsep usaha berterusan perniagaan dibahagikan kepada tempoh-tempoh kewangan yang sama lamanya untuk membolehkan pengukuran prestasi dan kedudukan kewangan perniagaan pada akhir tempoh kewangan tersebut.
- (ii) Dua kepentingan -penyediaan penyata kewangan pada tarikh yang sama setiap tahun:
1. Membolehkan pengguna maklumat kewangan membuat perbandingan serta analisis kewangan antara tempoh-tempoh perakaunan.
 2. Mengelakkan daripada pihak pengurusan memanipulasikan pelaporan kewangan mengikut kepentingan sendiri.
- (b) Andaian perakaunan yang berkaitan dengan urus niaga ini adalah entiti berasingan. Andaian ini melihat perniagaan dan pemilik sebagai satu entiti yang berasingan. Maka, urus niaga pemilik peribadi yang tidak melibatkan perniagaan tidak akan direkodkan dalam buku perakaunan perniagaan. Tetapi, urusan pemilik dengan perniagaan perlu direkodkan dalam akaun-akaun yang merujuk kepada sumbangan atau pengeluaran modal pemilik, iaitu akaun modal dan akaun ambilan. Dalam kes ini, pemilik telah mengeluarkan cek perniagaan untuk tujuan peribadi dan juga untuk perniagaan. Maka, catatan yang perlu dilakukan ialah:
- Dt. Belanja insurans
Ambilan
Kt. Bank
- (c) Dua kesilapan perekodan yang tidak menjelaskan keseimbangan bagi imbalan duga:
1. Kesilapan ketinggalan catatan satu urus niaga
 2. Kesilapan songsang
 3. Kesilapan prinsip
 4. Kesilapan komisen
 5. Kesilapan catatan amaun asal
 6. Kesilapan saling mengimbangi (hanya wujud dalam sistem perakaunan manual)

(d) Catatan urus-urus niaga dalam jadual persamaan perakaunan:

Urus niaga	ASET			LIABILITI		EKUITI PEMILIK	
	Tunai	Alatan pejbat	Akaun belum terima	Akaun belum bayar lain	Hasil belum terperoleh	Modal	Untung bersih
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
(1)	+50,000					+50,000	
(2)	-1,000						-1,000
(3)	-1,000	+2,500		+1,500			
(4)	-550						-550
(5)	+5,000						+5,000
(6)	-400						-400
(7)	-750			-750			
(8)	+15,000				+15,000		
(9)			+5,200				+5,200
(10)	+6,000					+6,000	
(11)	-320						-320
(12)	-1,600						-1,600
(13)	-800					-800	
	69,580	2,500	5,200	750	15,000	55,200	6,330

Jumlah aset = $69,580 + 2,500 + 5,200 = \text{RM}77,280$

Jumlah liabiliti – $750 + 15,000 = \text{RM}15,750$

Jumlah ekuiti = $55,200 + 6,330 = \text{RM}61,530$